

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan transformasi yang akan dibawa untuk memperkasakan lagi peranan dan fungsi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) supaya Suhakam 'tidak lebih teruk daripada seekor harimau yang tidak bertaring' dan pandangan serta input-input Suhakam dapat diambil berat oleh Kerajaan Persekutuan dalam apa-apa proses perundangan serta kes-kes pencabulan hak-hak asasi manusia.

JAWAPAN: **YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memperkasa peranan serta fungsi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) sebagai sebuah badan berkanun bebas dalam mempromosi dan perlindungan isu-isu hak asasi di Malaysia, Kerajaan

berazam dan komited untuk melaksanakan *engagement* berterusan bersama-sama. Penglibatan aktif SUHAKAM dengan mengadakan pelbagai sesi dialog dengan pelbagai pihak termasuklah pihak Kerajaan amatlah dialu-alukan memandangkan SUHAKAM sendiri mempunyai *specialists officers* yang diharap dapat memberi nasihat serta panduan bagi isu-isu melibatkan hak asasi manusia.

Terdapat tuduhan sesetengah pihak bahawa Kerajaan tidak pernah melakukan konsultasi dengan SUHAKAM adalah tidak benar. Dalam konteks penggubalan undang-undang, Kerajaan telah melaksanakan beberapa siri konsultasi bersama. Ini jelas dapat dilihat apabila Kerajaan telah mengadakan beberapa siri konsultasi bersama sebelum Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] dan pindaan terhadap Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 diluluskan. Selain itu, pemansuhan seksyen 27 Akta Polis 1967 juga adalah merupakan hasil dari salah satu proses yang telah dilaksanakan hasil kerjasama serta konsultasi berterusan pihak Kerajaan dan SUHAKAM. Ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan terus komited untuk melakukan rundingan dengan semua pihak berkepentingan.

Bagi memperkuuh peranan SUHAKAM, Kerajaan telah menerima beberapa cadangan pindaan penambahbaikkan terhadap Akta 597 selaras dengan keperluan semasa SUHAKAM berkaitan isu hak asasi manusia di Malaysia. Sebagai makluman, cadangan-cadangan tersebut kebanyakannya diterima untuk dilaksanakan bagi memperkasa SUHAKAM dan ini tertakluk kepada pertimbangan akhir Kerajaan sebelum dibentangkan ke Jemaah Menteri untuk kelulusan. Antara usul-usul yang telah dikemukakan itu ialah:-

- i. pelantikan Pesuruhjaya secara sepenuh masa dan/atau anggota Suruhanjaya sambilan;
- ii. membolehkan SUHAKAM menjalankan lawatan mengejut ke tempat tahanan;
- iii. membolehkan SUHAKAM bertindak sebagai pengantara (*mediator*); dan
- iv. membolehkan Suruhanjaya memainkan peranan sebagai *amicus curiae* dalam kes mahkamah yang membabitkan pencabulan hak asasi manusia.

Kerajaan sentiasa mendengar pandangan dan keluhan rakyat. Kerajaan bersedia untuk saling bekerjasama dan berganding bahu dengan semua pihak termasuklah SUHAKAM agar sebarang permasalahan dan isu yang dihadapi oleh rakyat khususnya yang memberi kesan hak asasi manusia dapat ditangani secara menyeluruh demi kebaikan bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN
[TANJONG]**

SOALAN : 220

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan dan rancangan terdekat untuk memperkasakan perkhidmatan feri Pulau Pinang yang kini dikendalikan oleh Penang Port Sdn. Bhd.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sejak mengambil alih aset feri dan terminal Pulau Pinang pada tahun 2014, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) telah membelanjakan sejumlah RM826,868.96. Perbelanjaan ini melibatkan kerja-kerja penambahbaikan dan penggantian di terminal feri dan Limbungan Bagan Dalam seperti penggantian fender, penambahbaikan sistem saliran, kerja-kerja pemulihan di Slipwat dan penggantian peralatan feri seperti *pump hose* dan gear hidraulik.

Untuk makluman, sebarang perancangan masa hadapan termasuklah penambahbaikan dan perbelanjaan modal perlu mengambilkira perancangan menyeluruh modal pengangkutan awam di Pulau Pinang memandangkan perkhidmatan feri merupakan salah satu dari komponen di dalam rangkaian pengangkutan di Pulau Pinang.

Namun demikian, sebarang inisiatif dan penambahbaikan yang dirancang perlu mengambilkira faktor kos operasi yang kini tidak dapat ditampung oleh pendapatan yang dijana oleh operasi feri sekarang. Kerugian yang dialami dalam menjalankan operasi feri ini menyekat kemampuan pengendali dari mempertingkatkan mutu operasi dan penambahbaikan infrastruktur berkaitan feri.